

Utusan Malaysia April 2017

Bil.	Tarikh	Tajuk Berita	Catatan	Muka Surat
1.	04 April 2017	Dua penyelia tapak lombong haram didakwa beri rasuah kepada pegawai SPRM	SPRM	3
2.	04 April 2017	Tempoh reman Tan Sri cuba rasuah Sultan Johor dilanjutkan	SPRM	4
3.	05 April 2017	Kontraktor bergelar Tan Sri ditahan SPRM	Timbalan Ketua Pesuruhjaya (Operasi) SPRM, Datuk Azam Baki	5
4.	05 April 2017	Pegawai Hidupan Liar tidak mengaku salah	SPRM	6
5.	06 April 2017	SPRM buka semula siasatan ke atas Azmin jika ada bukti baharu	Pengarah SPRM Selangor, Datuk Wan Ramli Wan Abdullah	7
6.	11 April 2017	Ambil tindakan terhadap kontraktor Elak projek tertangguh berulang Elak projek pengindahan Sungai Melaka tertangguh	Ketua Menteri, Datuk Seri Idris Haron	9
7.	11 April 2017	SPRM kesan bekas pemain bola sepak kebangsaan	SPRM	11
8.	11 April 2017	6 pegawai Imigresen didakwa terima rasuah	SPRM	12
9.	13 April 2017	Kontraktor diarah siap segera pembinaan ICQS - Ahmad Zahid	Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Ahmad Zahid Hamidi	13
10.	13 April 2017	Adam Rosly disiasat SPRM	SPRM	14
11.	13 April 2017	Datuk Seri, anak direman enam hari	SPRM	15
12.	15 April 2017	SPRM teliti maklumat bekas menteri isu beli hartanah di Australia	Timbalan Ketua Pesuruhjaya (Operasi) SPRM, Datuk Azam Baki	17
13.	18 April 2017	Pusat lulus projek lebih RM600 juta	Pegawai Pembantu gunan Projek Prasarana, Datuk Din Adam	19
14.	18 April 2017	Tiada kompromi bagi perasauh	Menteri Pertahanan, Datuk Seri Hishammuddin Tun Hussein	20

Bil.	Tarikh	Tajuk Berita	Catatan	Muka Surat
15.	19 April 2017	Rasuah: SPRM bimbang sikap golongan terpelajar	Timbalan Ketua Pesuruhjaya (Pencegahan) SPRM, Datuk Shamsun Bahrin Mohd. Jamil	22
16.	26 April 2017	M226 bilion aset AUM PNB dimiliki bumiputera	Pengerusi PNB, Tan Sri Abdul Wahid Omar	23
17.	26 April 2017	Kedudukan terkini rizab antarabangsa negara kukuh	Timbalan Menteri Kewangan II, Datuk Lee Chee Leong	25
18.	27 April 2017	Dua bookie didakwa esok	SPRM	27
19.	29 April 2017	Tiga lelaki disyaki beri rasuah kakitangan MyEG direman	SPRM	28
20.	29 April 2017	Dua bekas pemain kebangsaan didakwa tawarkan rasuah	SPRM	29

1. Dua penyelia tapak lombong haram didakwa beri rasuah kepada pegawai SPRM

DUA penyelia tapak perlombongan haram, How Ah Lai, 45 (kanan) dan K. Mohan, 42 mengaku tidak bersalah atas tuduhan memberi rasuah kepada pegawai Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) berhubung aktiviti perlombongan tanpa lesen di Mahkamah Sesyen, Kompleks Mahkamah Kuala Lumpur di sini hari ni.

KUALA LUMPUR 4 April - Dua lelaki dihadapkan ke Mahkamah Sesyen di sini hari ini atas pertuduhan memberi rasuah kepada dua pegawai Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) berhubung aktiviti perlombongan pasir secara haram di tanah rizab kerajaan, di Putrajaya, tahun lalu.

K.Mohan, 42, dan How Ah Lai, 45, kedua-duanya merupakan penyelia tapak lombong haram mengaku tidak bersalah selepas pertuduhan ke atas mereka dibacakan secara berasingan di hadapan Madiah Harullah.

Berdasarkan pertuduhan Mohan didakwa memberi suapan wang tunai RM2,000 kepada Penolong Kanan Penguasa SPRM iaitu Mohd. Izham Mohd. Hashim, 36, sebagai balasan untuk tidak mengambil tindakan penguatkuasaan di bawah akta SPRM 2009.

Ah Lai pula didakwa memberi suapan wang tunai RM300 kepada Penolong Kanan Penguasa SPRM, Mohd. Zaki Johari, 34, sebagai dorongan untuk tidak melaporkan kesalahan sebuah lori yang membawa muatan pasir keluar daripada kawasan perlombongan di Presint 20 Putrajaya kepada pihak berkuasa.

Mohan dan Ah Lai masing-masing didakwa melakukan kesalahan itu di Tanah Rizab Kerajaan Taman Selatan dan Tapak Perlombongan Presint 20, antara pukul 1 petang dan 1.30 petang, 11 Februari tahun lalu.

Madiah membenarkan Mohan diikat jamin RM15,000 manakala Ah Lai RM10,000 masing-masing dengan seorang penjamin dan menetapkan syarat tambahan kedua-dua tertuduh perlu menyerahkan pasport kepada mahkamah sementara menunggu sebutan kes pada 8 Mei ini.

04 April 2017

2. Tempoh reman Tan Sri cuba rasuah Sultan Johor dilanjutkan

AHLI perniagaan bergelar Tan Sri tiba di Mahkamah Majistret Putrajaya di sini hari ini untuk mendapatkan perintah reman selepas tempoh reman selama lima hari sebelum ini berakhir.

PUTRAJAYA 4 April - Tempoh tahanan reman seorang ahli perniagaan bergelar Tan Sri yang ditahan bagi membantu siasatan kes cubaan merasuah Sultan Johor, Sultan Ibrahim Sultan Iskandar dilanjutkan selama tiga hari lagi bermula esok.

Perintah tersebut dikeluarkan oleh Majistret Nik Isfahanie Tasnin Wan Ab. Rahman selepas membenarkan permohonan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) bagi membolehkannya disiasat di bawah Seksyen 16 (a)(A) Akta SPRM 2009.

Ahli perniagaan berumur 54 tahun itu tiba di Mahkamah Majistret di sini kira-kira pukul 9.30 pagi dengan tangan bergari dan berpakaian baju tertera Lokap SPRM.

Khamis lalu, lelaki berbangsa Cina itu diminta menyerah diri kepada SPRM selepas Sultan Ibrahim mendedahkan terdapat seorang individu cuba merasuah baginda dengan menawarkan RM2 juta bagi mencadangkan nama kepada Ketua Setiausaha Negara bagi mendapatkan gelaran Tan Sri daripada Yang di-Pertuan Agong.

Susulan itu, pada 25 Mac lalu menerusi kenyataan yang dimuat naik dalam laman Facebook, baginda bertitah supaya SPRM mengadap baginda segera supaya perkara terbabit dapat disiasat.

05 April 2017

3. Kontraktor bergelar Tan Sri ditahan SPRM



KUALA LUMPUR 5 April - Seorang ahli perniagaan bergelar Tan Sri ditahan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) kerana dipercayai mengemukakan tuntutan palsu berhubung pembekalan geotube bagi kerja-kerja pemulihan sungai.

Difahamkan, tuntutan palsu itu dilakukan di bawah kerja-kerja pemulihan sungai menggunakan kaedah penggalian (Dredging and Excavation) Jabatan Pengairan Dan Saliran (JPS).

Menurut sumber, suspek berusia 63 tahun yang merupakan seorang kontraktor itu ditahan di kediamannya di Johor kira-kira pukul 10.30 pagi hari ini.

Timbalan Ketua Pesuruhjaya (Operasi) SPRM, Datuk Azam Baki ketika dihubungi mengesahkan tangkapan tersebut

4. Pegawai Hidupan Liar tidak mengaku salah

KUANTAN 4 April - Seorang pegawai Jabatan Perlindungan Hidupan Liar dan Taman Negara (Perhilitan) mengaku tidak bersalah di Mahkamah Sesyen di sini hari ini atas pertuduhan membuat tuntutan palsu berhubung pembelian 88 unit beg kembara bernilai RM23,400, empat tahun lalu.

Abu Zahrim Ismail, 44, yang ditahan di ibu negara pada pukul 1.15 petang, semalam didakwa dengan niat memperdaya Ketua Pengarah Perhilitan membuat tuntutan palsu atas nama Baraplas Kreatif Enterprise di pejabat Pengguna Taman Negara, Jerantut, dekat sini pada 28 November 2013.

Tuntutan tersebut didakwa mengandungi pembelian 28 unit beg Haversack 75 liter jenama Deuter dan 60 unit Dry Pack 30 liter sedangkan barang tersebut tidak diterima.

Pertuduhan terhadapnya dikemukakan mengikut Seksyen 18 Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) 2009 dan boleh dihukum mengikut Seksyen 24 akta sama yang membawa hukuman penjara maksimum 20 tahun dan denda tidak kurang lima kali ganda nilai butiran palsu atau RM10,000, mengikut mana lebih tinggi.

Timbalan Pendakwa Raya dari SPPM, Amer Abu Bakar Abdullah yang mengendalikan pendakwaan menawarkan jaminan RM15,000 namun tertuduh memohon jumlah tersebut dikurangkan kerana isterinya tidak bekerja dan perlu menyara empat anak termasuk anak bongsu yang mempunyai masalah kesihatan.

Hakim Datuk Habibah Mohamed Yusof membenarkan tertuduh yang tidak diwakili peguam diikat jamin RM4,000 dengan seorang penjamin dan menetapkan 15 Mei ini untuk sebutan semula kes.

5. SPRM buka semula siasatan ke atas Azmin jika ada bukti baharu

SHAH ALAM 5 April - Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) sedia membuka semula kertas siasatan berhubung kes pemilikan harta luar biasa Datuk Seri Mohamed Azmin Ali sewaktu menjadi Setiausaha Sulit Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan, 22 tahun lalu.



Mohamed Azmin Ali

Pengarah SPRM Selangor, Datuk Wan Ramli Wan Abdullah berkata, walaupun kes itu telah ditutup oleh Badan Pencegahan Rasuah (BPR) pada 1997, namun siasatan kes itu boleh diteruskan semula sekiranya terdapat bukti-buktii baharu yang mengaitkan Menteri Besar Selangor itu dalam kes berkenaan.

"Boleh buka semula, tidak ada masalah jika ada maklumat baharu. Namun untuk memulakan siasatan semula kes itu, ia harus dibawa ke Jawatankuasa Penilaian Maklumat SPRM yang dipengerusikan oleh Timbalan Ketua Pesuruhjaya (Operasi), Datuk Azam Baki," katanya ketika ditemui selepas majlis memandatangani Ikrar Bebas Rasuah (IBR) di Pejabat Pembangunan Persekutuan Negeri Selangor (PPPNS) di sini hari ini.

Wan Ramli berkata demikian ketika diminta mengulas gesaan pelbagai pihak termasuk pertubuhan bukan kerajaan (NGO) yang mahu SPRM membuka semula siasatan kes pemilikan harta luar biasa Mohamed Azmin yang didakwa ditutup oleh BPR tanpa alasan yang munasabah pada 1997.

Menurut mereka, siasatan semula perlu diteruskan susulan bocornya dokumen sulit siasatan BPR ke atas Mohamed Azmin yang mana terdapat bukti bahawa Menteri Besar Selangor itu memiliki harta dalam bentuk hartanah, kereta dan saham melibatkan jumlah jutaan ringgit.

Malah, berdasarkan dokumen itu, siasatan BPR turut mengesyaki wang dan harta dimiliki oleh Mohamed Azmin yang dirujuk sebagai YDS (yang disiasat) adalah datang dari hasil perlakuan rasuah selain mengesyorkan supaya beliau dikenakan tindakan tata tertib oleh jabatannya.

Bagaimanapun, siasatan itu didakwa dihentikan pada September 1997 atas arahan Ketua Pengarah BPR ketika itu yang turut mengarahkan kertas siasatan tersebut di Kemas Untuk Simpan (KUS).

Mengulas lanjut, Wan Ramli berkata, jawatankuasa penilai SPRM akan membuat penilaian terhadap sebarang maklumat baharu membabitkan kes Menteri Besar Selangor itu sama ada perlu dibuka semula atau dikategorikan sebagai 'Kertas Siasatan Ditutup' atau 'KUS'.

"Jika kertas siasatan itu dibuka semula dan kes itu berlaku di Selangor, maka SPRM negeri akan menjalankan siasatan atau sebaliknya" ujarnya.

6. Ambil tindakan terhadap kontraktor

Elak projek tertangguh berulang Elak projek pengindahan Sungai Melaka tertangguh



PROJEK pengindahan Sungai Melaka bakal menarik lebih ramai pelancong ke negeri itu.

MELAKA 10 April - Kerajaan negeri berharap tindakan tegas perlu diambil terhadap kontraktor yang dilantik sebelum ini untuk mengendalikan projek pengindahan Sungai Melaka Fasa Pertama kerana memberi laporan tidak tepat berkaitan kerja-kerja yang dilaksanakan sehingga ia gagal disiapkan mengikut tempoh.

Ketua Menteri, Datuk Seri Idris Haron berkata, beliau mendapat taklimat berhubung pelaksanaan projek pengindahan sungai itu yang kini memasuki fasa kedua mendakwa kontraktor yang dilantik sebelum itu gagal mematuhi spesifikasi projek yang ditetapkan.

Sambil memberi amaran kepada kontraktor tersebut, beliau memberikan contoh antara pelaksanaan yang dilakukan oleh mereka adalah menggunakan bahan yang substandard namun membuat laporan yang berbeza.

"Kontraktor sebelum ini memberi laporan PVC setebal 2.5 milimeter (mm) digunakan tetapi sebaliknya mereka hanya menggunakan jenis 1.5 mm dan ianya telah diluluskan pembayaran, jadi mereka yang meluluskan dan menerima bayaran itu tidak akan terlepas daripada tindakan undang-undang.

"Kontraktor baharu tiada pilihan dan kerajaan negeri mengarahkan mereka terus menyiapkan kerja-kerja mengikut tempoh ditetapkan," katanya dalam sidang akhbar selepas mempengerusikan mesyuarat Exco kerajaan negeri di sini.

Idris turut meminta penyelia projek iaitu Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) agar mengambil tindakan tegas terhadap kontraktor dan pegawai yang terlibat dalam memberi laporan yang salah ketika projek fasa pertama terdahulu, termasuk membuat laporan kepada Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM).

Projek Pengindahan Sungai Melaka kini memasuki Fasa Kedua namun tergendala walaupun ia sepatutnya siap pada 2014 dan Idris pada Januari lalu memaklumkan fasa itu dijangka siap sepenuhnya penghujung tahun ini setelah diambil alih oleh kontraktor baharu.

Sementara itu beliau berkata, projek pembinaan Empangan Air Sungai Jernih di Taboh Naning, Alor Gajah perlu diteruskan bagi menampung keperluan bekalan air penduduk negeri ini menjelang tahun 2025.

Menurutnya, kerajaan negeri berpendapat empangan tersebut perlu diteruskan berbanding cadangan penggunaan takungan air atau off river storage (ORS) kerana sistem seperti itu dilihat tidak mampu menampung ke-perluan bekalan air negeri pada tahun tersebut.

"Sistem ORS ini mengandungi lebih kurang 100 juta gelen air sedangkan keperluan pada tahun 2025 dijangka sebanyak 300 juta gelen," katanya.

7. SPRM kesan bekas pemain bola sepak kebangsaan

KUALA LUMPUR 11 April - Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) mengesan seorang bekas pemain bola sepak kebangsaan bagi membantu siasatan berhubung kes mengatur keputusan perlawanan Liga Perdana melibatkan pasukan bola sepak Majlis Sukan India Malaysia-Persatuan Bola Sepak India Malaysia (MISC-MIFA).



SPRM dalam satu kenyataan meminta orang ramai yang mempunyai maklumat berhubung Khairul Anuar Baharum atau dikenali sebagai Ah Chong untuk menghubungi Pegawai Penyiasat, Penguasa Mohd. Fadzli Alias di talian 03-88867000 atau 018-2744533.

8. 6 pegawai Imigresen didakwa terima rasuah

Lima daripada enam pegawai penguat kuasa Jabatan Imigresen didakwa menerima suapan di Mahkamah Khas Rasuah, Kuching, Sarawak, semalam. - bernama

KUCHING 10 April - Enam pegawai penguat kuasa Jabatan Imigresen mengaku tidak bersalah di Mahkamah Khas Rasuah di sini hari ini atas pertuduhan menerima rasuah antara RM100 hingga RM1,000 seorang menerusi transaksi bank dalam talian.

Gracy Bohan, 35, dan Norhaliza Hussein, 33, didakwa atas dua pertuduhan manakala Benjamin Morsit, 33; Khairul Nizam Omar, 41; Agnes James Daim, 42; Emily Ngayan Beliang, 36, masing-masing menghadapi satu pertuduhan.

Mengikut pertuduhan, Gracy didakwa menerima wang RM100 sebanyak dua kali menerusi transaksi bank secara dalam talian daripada akaun Fazal Illahi Juma Gul ke akaun miliknya yang diketahui mempunyai urusan dengan tugas rasminya di sebuah bank di Kota Sentosa di sini pada 22 April 2016 dan 25 Disember tahun sama.

Menerusi cara dan tujuan yang sama, Norhaliza didakwa menerima wang RM100 dan RM500 di sebuah bank di Batu 7 di sini, pada 1 Januari lalu dan 27 Disember 2016 sementara Agnes didakwa menerima wang RM200, Emily Ngayan (RM300), Benjamin (RM200) dan Khairul (RM1,000).

Kesemua tertuduh didakwa mengikut Seksyen 165 Kanun Keseksaan yang memperuntukkan hukuman penjara sehingga dua tahun atau denda atau kedua-duanya jika sabit kesalahan.

Hakim Nixon Kennedy Kumbong membenarkan setiap tertuduh diikat jamin antara RM5,000 dan RM8,000 dengan seorang penjamin yang menetap di Kuching dengan slip gaji tidak kurang RM1,000 sebulan sementara menunggu sebutan semula kes pada 28 April ini.

Pendakwaan dikendalikan oleh Pegawai-pegawai Pendakwa daripada Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM), Katherine Nais, Mohd. Asri Abu Mansor dan Ikhwan Mohd. Ibrahim.

13 April 2017

9. Kontraktor diarah siap segera pembinaan ICQS - Ahmad Zahid

TIMBALAN Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Ahmad Zahid Hamidi bersama Menteri Besar Kedah, Datuk Seri Ahmad Bashah Md. Hanipah mengadakan lawatan ke Kompleks Imigresen, Kastam, Kuaranin dan Keselamatan (ICQS) Bukit Kayu Hitam, di sini hari ini. Turut hadir, Ketua Pengarah Imigresen, Datuk Seri Mustafar Ali.

KUBANG PASU 13 April - Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Ahmad Zahid Hamidi mengarahkan Projek Pembinaan Secara Bersepadu Kompleks Imigresen, Kastam, Kuaranin dan Keselamatan (ICQS) di Bukit Kayu Hitam, di sini yang lewat 576 hari disiapkan segera.

Menurut beliau, kontraktor terlibat perlu menyiapkan pembinaan projek bernilai RM425 juta itu selewat-lewatnya pada 31 Disember depan.

"Projek ICQS ini lewat 576 hari dan perlu dipercepatkan pembinaannya. Bagi fasa pertama perlu disiapkan menjelang Ogos ini diikuti pembinaan fasa kedua pada 31 Disember 2017.

"Bagi membolehkan laluan masuk ke Malaysia - Thailand menggunakan ICQS baru pada 1 September ini, saya bersama jabatan terlibat termasuk kerajaan negeri akan memantau projek pembinaan ini dari semasa ke semasa," katanya selepas melawat tapak Projek Pembinaan Secara Bersepadu ICQS di sini hari ini.

Hadir sama Menteri Besar, Datuk Seri Ahmad Bashah Md. Hanipah.

13 April 2017

10. Adam Rosly disiasat SPRM



KETUA Angkatan Muda PKR Ampang, Datuk Adam Rosly tiba di Ibu Pejabat SPRM untuk disiasat berhubung kekayaan luar biasa.

PUTRAJAYA 13 April - Ketua Angkatan Muda PKR Ampang, Datuk Adam Rosly tiba di Ibu Pejabat Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) di sini hari ini untuk disiasat berhubung dakwaan kekayaan luar biasa.

Beliau yang memakai baju batik berwarna jingga tiba di sini pada pukul 2.30 petang kemudian dilihat memasuki Ibu Pejabat SPRM untuk memberikan keterangan.

Menurut sumber SPRM, beliau berkemungkinan akan ditahan selepas selesai disoal siasat pada lewat petang ini.

Pada 10 Februari lalu, SPRM merakam percakapan Adam yang dipercayai berhubung dakwaan kekayaan luar biasa.

UMNO Bahagian Ampang sebelum ini pernah membuat laporan kepada SPRM bagi menyiasat dakwaan itu.

Adam dalam usia begitu muda dikatakan mampu memiliki sebuah banglo mewah di Ampang dianggarkan bernilai antara RM3 juta dan RM4 juta sedangkan sebelum terlibat dalam kancang politik pernah menetap di kawasan setinggan Kampung Pingir Lembah Jaya.

Beliau didakwa bukan sahaja memiliki banglo mewah berkenaan tetapi turut mempunyai beberapa buah rumah di tempat lain.

11. Datuk Seri, anak direman enam hari



Seorang Datuk Seri (depan) dan anaknya yang bergelar Datuk dibawa oleh pegawai SPRM ke Mahkamah Majistret, Georgetown, semalam.

PULAU PINANG 12 April - Seorang ahli perniagaan bergelar Datuk Seri dan anak lelakinya bergelar Datuk direman enam hari bermula hari ini bagi membantu siasatan kes rasuah berkaitan penjualan tanah milik Yayasan Bumiputra Pulau Pinang Berhad.

Perintah reman sehingga 17 April ini terhadap Datuk Seri berusia 74 tahun itu yang merupakan penasihat sebuah syarikat pemaju terkemuka serta anaknya yang berusia 47 tahun dikeluarkan oleh Penolong Pendaftar, Mohamad Amin Shahul Hamid.

Dua beranak itu tiba di mahkamah tersebut kira-kira pukul 10.50 pagi dengan diiringi pegawai Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) negeri.

Terdahulu, mereka ditahan SPRM kira-kira pukul 7 malam tadi ketika hadir memberi keterangan di pejabat SPRM di sini dan di Putrajaya berkaitan kes skandal tanah berkenaan.

Sementara itu, jurucakap SPRM negeri berkata, kedua-dua beranak itu ditahan bagi membantu siasatan kes dakwaan salah guna kuasa termasuk penjualan tanah milik anak syarikat yayasan berkenaan pada harga lebih murah berbanding harga asal.

"Urusan berkenaan didakwa telah menyebabkan anak syarikat milik yayasan tersebut mengalami kerugian jutaan ringgit sejak beberapa tahun lalu," katanya.

Beliau memberitahu, kes berkenaan disiasat mengikut Seksyen 23 Akta SPRM 2009 dan boleh dihukum di bawah Seksyen 24 akta sama yang membawa hukuman penjara maksimum 20 tahun dan denda minimum lima kali ganda nilai suapan atau RM10,000 mengikut mana lebih tinggi.

Sebelum ini, seorang pemegang amanah yayasan berkenaan yang bergelar Datuk turut direman lima hari mulai 29 Mac lalu bagi membantu siasatan kes berkenaan dan kemudian dibebaskan dengan jaminan RM100,000 berserta dua penjamin.

12. SPRM teliti maklumat bekas menteri isu beli hartanah di Australia

KUALA LUMPUR 14 April - Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) sedang meneliti maklumat baharu berhubung dakwaan salah laku seorang bekas menteri yang dikaitkan dengan kontroversi pembelian hartanah, Dudley International House di Melbourne, Australia oleh anak syarikat Majlis Amanah Rakyat (Mara), Mara Incorporated Sdn. Bhd.

**Azam Baki**

Timbalan Ketua Pesuruhjaya (Operasi) SPRM, Datuk Azam Baki berkata, siasatan terhadap kes berkenaan akan diteruskan selepas bukti dan maklumat baharu diperoleh.

Menurutnya, lebih ramai saksi akan dipanggil dalam masa terdekat untuk diambil keterangan bagi membantu siasatan.

"Kita akan mengambil keterangan bukan sahaja daripada saksi-saksi dalam negara, malah siasatan baharu ini turut membabitkan saksi-saksi dari luar negara," katanya dalam satu kenyataan di sini hari ini.

Tambah Azam, pihaknya tidak menolak kemungkinan akan ada tangkapan baharu dibuat ke atas mereka yang terlibat dalam masa terdekat.

Pada 24 Mac lalu, media melaporkan dua bekas pegawai kanan syarikat itu yang bergelar Datuk dan seorang pengarah syarikat direman tujuh hari bagi membantu siasatan berhubung kontroversi tersebut sebelum dibebaskan tujuh hari kemudian dengan jaminan RM10,000 berserta seorang penjamin.

Isu itu mendapat perhatian apabila akhbar Australia, *The Age* melaporkan seorang pegawai atasan Mara, pegawai kanan dan bekas ahli politik didakwa membelanjakan jutaan ringgit dana kerajaan untuk membeli sebuah blok pangsapuri di Melbourne pada 2013.

Sayap pelaburan Mara berkenaan terjebak dengan kontroversi apabila akhbar tersebut mendakwa mereka membeli bangunan lima tingkat itu dengan harga yang lebih tinggi daripada harga pasaran.

Akhbar tersebut juga melaporkan ketiga-tiga pegawai itu didakwa 'membida lebih tinggi' bagi bangunan Dudley International House iaitu daripada AS\$17.8 juta (RM51.5 juta) kepada AS\$22.5 juta (RM65.3 juta) dan mendakwa wang perbezaan itu dijadikan rasuah di tanah air.

18 April 2017

13. Pusat lulus projek lebih RM600 juta

Prasarana penuhi keperluan rakyat

DUNGUN 17 April - Pelbagai projek prasarana bagi memenuhi keperluan dan meningkatkan kesejahteraan rakyat di daerah ini yang dianggarkan menelan kos lebih RM600 juta telah diluluskan oleh kerajaan Pusat.



Din Adam

Pegawai Pembangunan Projek Prasarana, Datuk Din Adam (**gambar**) berkata, projek dibawakan pelbagai Kementerian itu sebahagiannya masih dalam perancangan untuk dimulakan manakala sebahagian lagi dalam proses pelaksanaan.

"Ini termasuklah projek pembinaan jalan dari Kampung Mat Daling, Jerantut ke Kampung Pasir Raja di sini menerusi pembiayaan Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah di samping Hospital Dungun bernilai RM130 juta.

"Kerja-kerja membaik pulih benteng pantai di Kampung Teluk Lipat yang membabitkan kos dianggarkan RM100 juta di samping projek pemulihan muara sungai di Kampung Kuala Paka bernilai RM150 juga diluluskan.

"Terima kasih Datuk Seri Najib Tun Razak kerana meluluskan," katanya ketika berucap dalam Majlis Pelancaran Jom Bantu Rakyat di Kampung Santong yang dirasmikan oleh Perdana Menteri di sini semalam.

Yang hadir sama, Menteri Besar, Datuk Seri Ahmad Razif Abdul Rahman; Menteri Pendidikan Tinggi, Datuk Seri Idris Jusoh dan Timbalan Menteri Komunikasi dan Multimedia, Datuk Jailani Johari.

Din memberitahu, manfaat terbaharu yang bakal dinikmati rakyat ialah penyediaan 229 unit kediaman di bawah Projek Rumah Idaman Rakyat (RIR) oleh Syarikat Perumahan Negara Berhad (SPNB) di Kampung Santong yang bernilai RM60 juta.

Selain itu katanya, 432 unit kediaman akan turut dibangunkan di bawah projek PR1MA bagi memenuhi keperluan golongan sasar.

Din yang juga Ketua UMNO Bahagian Dungun berkata, dengan memberi perkhidmatan kepada rakyat berterusan tanpa bermusim telah membantu meningkatkan keyakinan mereka.



18 April 2017

14. Tiada kompromi bagi perasuah



HISHAMMUDDIN TUN HUSSEIN (tengah) menuap pulut kuning kepada Mohd. Johari Baharum (dua dari kiri) sempena pelantikan beliau sebagai Menteri Dengan Tugas-tugas Khas dalam majlis Bacaan Ikrar Bebas Rasuah dan Penyampaian Anugerah Perkhidmatan Cemerlang serta Pingat Perkhidmatan dan Pekerti Terbilang sempena Perhimpunan Bulanan Kementerian Pertahanan 2017 di Wisma Perwira, Kuala Lumpur, semalam. Turut hadir, Abdul Rahim Mohamad Radzi (dua dari kanan), Raja Mohamed Affandi Raja Mohamed Noor (kiri), dan Dzulkifli Ahmad (kanan).

KUALA LUMPUR 17 April - Kementerian Pertahanan tidak akan berkompromi terhadap warganya yang terlibat dalam aktiviti rasuah ketika sedang bertugas atau melaksanakan projek pembangunan berkos tinggi.

Menteri Pertahanan, Datuk Seri Hishammuddin Tun Hussein berkata, hal ini kerana gejala tidak bermoral itu bukan sahaja menjatuhkan maruah dan integriti seseorang, malah boleh memberi kesan kepada keselamatan negara.

Menurut beliau, pesalah rasuah boleh diibaratkan sebagai pengkhianat serta penderhaka kepada bangsa dan negara.

"Rasuah merupakan satu kesalahan di sisi agama dan undang-undang. Kalau rasuah berlaku di Kementerian Kesihatan mungkin hospital tidak siap, namun pesakit masih boleh mendapatkan perkhidmatan di hospital lain.

"Namun, kalau rasuah berlaku di kementerian ini pasti akan ada nyawa yang terkorban, apa kita nak jawab kalau ada nyawa yang melayang," katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap dalam majlis Bacaan Ikrar Bebas Rasuah dan Penyampaian Anugerah Perkhidmatan Cemerlang serta Pingat Perkhidmatan dan Pekerti Terbilang sempena Perhimpunan Bulanan Kementerian Pertahanan 2017 di sini hari ini.

Yang turut hadir, Timbalan Menteri Pertahanan, Datuk Seri Mohd. Johari Baharum; Ketua Setiausaha Kementerian Pertahanan, Datuk Seri Abdul Rahim Mohamad Radzi dan Ketua Pesuruhjaya Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM), Datuk Dzulkifli Ahmad.

Yang hadir sama, Panglima Angkatan Tentera, Jeneral Tan Sri Raja Mohamed Affandi Raja Mohamed Noor; Panglima Tentera Darat, Jeneral Datuk Seri Zulkiple Kassim; Panglima Tentera Laut, Laksamana Tan Sri Ahmad Kamarulzaman Ahmad Badaruddin dan Panglima Tentera Udara Diraja Malaysia (TUDM), Jeneral Datuk Seri Affendi Buang.

Hishammuddin menggesa semua warga kementerian supaya menjalankan amanah menjaga keselamatan dan pertahanan negara dengan penuh tanggungjawab.

Mengulas mengenai ikrar bebas rasuah, beliau berharap semua warganya berikrar untuk tidak terlibat jenayah rasuah dengan penuh keazaman kerana Kementerian Pertahanan bukanlah tempat bagi mereka termasuk yang berpangkat tinggi untuk terjebak dalam gejala rasuah.

"Saya tegaskan di sini, kementerian saya bukan tempat untuk anda melakukan jenayah rasuah.

"Jika anda mahu berbuat demikian, tolong keluar daripada kementerian ini," tegasnya.

15. Rasuah: SPRM bimbang sikap golongan terpelajar

ARAU 19 April - Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) bimbang dengan sikap golongan terpelajar terhadap rasuah apabila hasil kajian persepsi mendapati kira-kira 16 peratus pelajar institusi pengajian tinggi (IPT) sanggup menerima rasuah jika mempunyai peluang dan kuasa.

**Shamsun bahrin**

Menurut Timbalan Ketua Pesuruhjaya (Pencegahan) SPRM, Datuk Shamsun Bahrin Mohd. Jamil, angka itu diperoleh hasil Kajian Persepsi Keberkesanan Tindakan Pencegahan Rasuah (KPKT) oleh SPRM di kalangan 1,000 mahasiswa di seluruh negara tahun lepas.

"Angka ini membimbangkan kerana kajian tahun 2015 menunjukkan 10.7 peratus dan tahun sebelumnya (2014) 11.3 peratus sahaja pelajar yang menyatakan kesanggupan menerima rasuah," katanya pada sidang akhbar selepas majlis menandatangani Ikrar Bebas Rasuah (IBR) peringkat Universiti Malaysia Perlis (UniMAP) di kampus universiti itu di sini, hari ini.

Seramai 15 dekan dan ketua jabatan UniMAP menandatangani dan melafazkan IBR diketuai Naib Canselornya, Datuk Prof Dr. Zul Azhar Zahid Jamal yang turut disaksikan pengarah SPRM Perlis, Yaacob Angah.

Kajian tersebut juga mendapati 18.2 peratus pelajar yang ditemui bersedia memberi rasuah agar mereka tidak dikenakan tindakan iaitu peningkatan sebanyak 0.8 peratus daripada 17.4 peratus pada tahun 2015, kata Shamsun Bahrin.

Beliau menambah, kajian juga mendapati jumlah pelajar yang sanggup melaporkan kes rasuah merosot kepada 66.3 peratus berbanding 74.1 peratus pada 2015 dan 74.9 peratus pada 2014.

"Saya ingin mengingatkan, tak usah takut memberi maklumat kerana identiti pemberi maklumat dilindungi di bawah undang-undang Akta Pemberi Maklumat dan Akta Perlindungan Saksi," kata Shamsun Bahrin.

Katanya data SPRM daripada 2011 hingga sekarang menunjukkan hanya 162 individu berani tampil memberi maklumat berkaitan kes rasuah kepada agensi itu.

16. M226 bilion aset AUM PNB dimiliki bumiputera

TEMERLOH 25 April - Kira-kira RM226 bilion daripada RM266 bilion aset di bawah pengurusan (AUM) Permodalan Nasional Bhd. (PNB) dimiliki oleh sembilan juta rakyat Malaysia terutama dalam kalangan bumiputera.



Pengerusi PNB, Tan Sri Abdul Wahid Omar berkata, PNB kini yang merupakan firma pengurusan dana terbesar di Malaysia komited untuk memberi pulangan dividen kompetitif bagi produk pelaburannya secara keseluruhan pada tahun ini.

Beliau yang menyertai Minggu Saham Amanah Malaysia (MSAM) buat kali pertama memberitahu, pihak pengurusan PNB sedang giat melaksanakan pelan Strategik 2017-2020 atau dikenali sebagai Program PNB STRIVE-15 sejak diperkenalkan pada November 2016.

Katanya, nilai pasaran syarikat strategik PNB telah meningkat sebanyak RM20 bilion pada empat bulan pertama tahun ini hasil pelaksanaan pelan itu.

Abdul Wahid Omar

"PNB akan meneruskan usaha mendidik masyarakat secara berterusan dan bersepada. Dengan sokongan serta

bimbingan semua pihak termasuk kerajaan, badan-badan kawal selia, syarikat-syarikat pelaburan, PNB mampu melakarkan lebih banyak kejayaan,

"Ia seterusnya menaikkan lagi martabat bangsa dan negara selaras dengan Dasar Ekonomi Baru (DEB) dan Hala Tuju Transformasi Ekonomi Bumiputera (BETR 2.0)," katanya dalam Majlis Penutup MSAM 2017 di sini hari ini.

MSAM 2017 yang melabuhkan tirai selepas enam hari penganjurannya, berjaya merekodkan jumlah pengunjung seramai 183,426 orang setakat pukul 10 pagi ini, melebihi sasaran awal seramai 150,000 orang.

Dalam pada itu Abdul Wahid berkata, PNB waktu dahulu tidak mempunyai banyak ejen seperti sekarang, hanya ada pejabat pos dan satu tabung unit amanah iaitu Skim Amanah Saham Nasional (ASN).

Katanya, kini ejen-ejen PNB telah bertambah dengan pelantikan CIMB, RHB, Bank Simpanan Nasional, Affin Bank, Alliance Bank dan terkini, AmBank menjadikan jumlah ejen melangkaui 2,200 di seluruh negara.

"Ini penting kerana jumlah produk ASNB telah bertambah menjadi 12, dan sebahagian tabung unit amanah ASNB kini juga boleh dilanggani oleh seluruh rakyat Malaysia.

"Bersesuaian dengan peredaran masa, produk-produk unit amanah ASNB yang terpilih juga kini boleh dilanggan melalui perbankan internet iaitu melalui Maybank2u, CIMB Clicks, Affin Online dan RHB Now," katanya.

17. Kedudukan terkini rizab antarabangsa negara kukuh

KUALA LUMPUR 25 April - Kedudukan terkini rizab antarabangsa negara berada dalam keadaan kukuh dengan jumlah RM423.2 bilion dilaporkan sehingga 14 April lalu.



Lee Chee Leong

Timbalan Menteri Kewangan II, Datuk Lee Chee Leong berkata, paras rizab tersebut mencukupi untuk membiayai 8.2 bulan import tertangguh dan 1.1 kali hutang luar negeri jangka pendek.

"Di peringkat antarabangsa, kedudukan rizab itu diperakui memadai sekiranya mampu membiayai sekurang-kurangnya tiga bulan import tertangguh dan 1.0 kali hutang luar negeri jangka pendek," katanya ketika sesi soal jawab di sidang Dewan Negara, hari ini.

Beliau menjawab soalan Senator Datuk Dr. Hou Kok Chung yang meminta kerajaan menyatakan tahap rizab mata wang asing negara yang menjadi sasaran atau ideal untuk negara dan bagaimanakah kedudukannya pada masa ini.

Jelas Chee Leong, rizab antarabangsa bukan sumber utama yang digunakan oleh negara untuk memenuhi obligasi luarannya.

Malah, kata beliau, pada ketika ini, rizab antarabangsa hanya merangkumi 24 peratus daripada nilai jumlah aset luaran, manakala aset luaran bank dan syarikat sedia ada mampu membiayai sekitar 80 peratus daripada hutang luar negeri yang sepadannya.

"Kadar pertukaran yang fleksibel turut mengurangkan kebergantungan negara pada rizab antarabangsa bagi menampung obligasi luaran," katanya.

Dalam pada itu, menurut Chee Leong, peningkatan rizab itu didorong oleh lebihan imbangan perdagangan dan aliran masuk pelaburan langsung asing yang berterusan.

Selain itu, kata beliau, rizab antarabangsa juga dijangka meningkat dengan pasaran mata wang ringgit yang stabil kerana akan meningkatkan pelabur asing untuk membawa aliran masuk dana dalam negara.

"Kedudukan rizab stabil ini telah meningkatkan daya tahan ekonomi dan keupayaan Malaysia untuk berhadapan dengan cabaran ekonomi dunia yang tidak menentu," katanya.

Tambah beliau, kerajaan dan Bank Negara Malaysia (BNM) akan sentiasa memantau kedudukan rizab antarabangsa dengan mengambil langkah sewajarnya bagi memastikan paras rizab itu kekal mencukupi untuk menjadi penampang bagi memenuhi obligasi luaran.

27 April 2017

18. Dua bookie didakwa esok



KUALA LUMPUR 27 April - Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) akan mendakwa dua orang bookie termasuk seorang bekas pemain kebangsaan yang dipercayai terlibat dalam mengatur keputusan perlawanan Liga Perdana 2017 melibatkan pasukan Majlis Sukan India Malaysia-Persatuan Bola Sepak India Malaysia (MISC-MIFA) esok.

Dalam satu kenyataan yang dikeluarkan di sini malam ini, SPRM berkata kedua-dua individu itu akan dihadapkan ke Mahkamah Sesyen Seremban pada pukul 8.30 pagi.

Pada 6 April lalu, pengurusan kelab Liga Perdana, MIFA FC telah mengemukakan bukti kepada SPRM berhubung penglibatan tiga pemainnya yang ditahan kerana dipercayai mengatur perlawanan.

Hasil siasatan lanjut SPRM membawa kepada penahanan dua individu tersebut pada 7 dan 15 April lalu.

29 April 2017

19. Tiga lelaki disyaki beri rasuah kakitangan MyEG direman



TIGA lelaki direman enam hari oleh Mahkamah Majistret Ipoh, semalam untuk membantu siasatan kes rasuah berhubung pembaharuan permit pekerja asing, semalam. BERNAMA

IPOH 28 April - Tiga lelaki termasuk seorang warga Pakistan direman enam hari mulai hari ini bagi membantu siasatan kes pemberian rasuah kepada kakitangan MyEG Services Berhad (MyEG) berhubung pembaharuan permit pekerja asing.

Perintah reman sehingga 3 Mei ini terhadap kesemua suspek yang berusia antara 46 dan 57 tahun itu dikeluarkan oleh Penolong Pendaftar Mahkamah Majistret di sini, Puteri Nordina Kamalaudin.

Mereka ditahan bagi membantu siasatan mengikut Seksyen 16(a)(A) Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) 2009.

Ketiga-tiga suspek yang diwakili peguam Gurbachan Singh, dipercayai memberi rasuah kepada kakitangan MyEG sewaktu melakukan urusan pembaharuan permit pekerja asing tanpa mengikut prosedur yang ditetapkan.

Dua warga tempatan yang masing-masing berusia 49 dan 57 tahun ditahan di lokasi berbeza iaitu di sebuah restoran di Meru Raya pada pukul 8.30 malam semalam manakala seorang lagi di Batu Gajah dekat sini kira-kira pukul 9 malam.

Warga Pakistan yang berusia 46 tahun itu pula diberkas di Tasek di sini pada pukul 12.30 tengah hari, semalam.

Difahamkan, kesemua suspek termasuk warga Pakistan yang mempunyai pasport yang sah itu merupakan orang tengah atau ejen dalam transaksi rasuah yang dijalankan oleh kedua-dua lelaki tempatan itu.

20. Dua bekas pemain kebangsaan didakwa tawarkan rasuah

RASAH 28 April - Dua bekas pemain bola sepak dihadapkan ke Mahkamah Sesyen Seremban di sini hari ini atas dua pertuduhan menawarkan rasuah bernilai RM20,000 kepada dua pemain pasukan Majlis Sukan India Malaysia-Persatuan Bola Sepak India Malaysia (MISC-MIFA).

**Khairul Anuar Baharum**

Bekas pemain bola sepak kebangsaan, Khairul Anuar Baharum, 43, dan bekas pemain bola sepak Public Bank, S. G. Prem Kumar, 49, bagaimanapun mengaku tidak bersalah ke atas kedua-dua pertuduhan yang dibacakan jurubahasa mahkamah di hadapan Hakim Fathiyah Idris.

Mengikut kertas pertuduhan, kedua-dua tertuduh didakwa menawarkan suapan RM10,000 kepada penjaga gawang MIFA, Mohd. Khairul Izzuwan Shaari sebagai dorongan bagi melakukan satu transaksi yang dicadangkan berlaku iaitu mengatur perlawanan antara MISC-MIFA dan Perbadanan Kemajuan Negeri Perak (PKNP) yang berlangsung pada 7 April lalu supaya tewas 0-2.

Bagi pertuduhan kedua, mereka didakwa menawarkan suapan RM10,000 kepada pemain MIFA, S. Harivarman sebagai dorongan yang sama.



S G. Prem Kumar

Kedua-dua pertuduhan itu didakwa dilakukan di Jalan Andalas 1, Senawang Light Industry Area di Seremban antara pukul 9 hingga 10 malam, 27 Mac lalu.

Kedua-dua tertuduh didakwa mengikut Seksyen 16(b) (A) Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) 2009 yang boleh dihukum di bawah Seksyen 24 akta sama dan dibaca bersama Seksyen 43 Kanun Keseksaan, yang memperuntukkan hukuman penjara sehingga 20 tahun dan denda tidak kurang lima kali ganda nilai suapan atau RM10,000 yang mana lebih tinggi.

Timbalan Pendakwa Raya SPM, Nurdianah Mohd. Nawawi menawarkan jaminan RM40,000 setiap seorang dengan seorang penjamin dan pasport tertuduh diserahkan kepada mahkamah sehingga kes selesai.

Khairul Anuar atau lebih dikenali sebagai 'Ah Chong' dalam rayaannya melalui peguam Ridha Abdah Subri memohon mahkamah menetapkan jumlah jaminan rendah memandangkan anak guamnya itu telah memberikan kerjasama yang baik kepada SPM sepangjang siasatan dilakukan selain perlu menanggung isteri yang tidak bekerja dan enam orang anak.

Peguam Datuk Geethan Ram Vincent yang mewakili Prem Kumar dalam rayaannya pula memohon supaya mahkamah menetapkan jumlah jaminan yang rendah.

Fathiyah bagaimanapun membenarkan kedua-dua tertuduh diikat jamin RM10,000 seorang bagi kedua-dua pertuduhan dengan seorang penjamin dan pasport tertuduh perlu diserahkan kepada mahkamah.

Mahkamah turut mengarahkan kedua-dua tertuduh melapor diri di Pejabat SPM Negeri Sembilan sebulan sekali pada Isnin minggu pertama setiap bulan. Tarikh sebutan semula kes ditetapkan pada 31 Mei ini.